

Tiada hujan, Perlis berhadapan catuan air empat hari lagi - MB

KANGAR 12 April - Berikutan paras air Empangan Timah Tasoh di Padang Besar dekat sini, yang semakin menyusut, besar kemungkinan penduduk negeri ini terpaksa berhadapan dengan catuan air dalam tempoh empat hari lagi.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata, perkara itu tidak dapat dielakkan sekiranya cuaca di negeri itu berterusan panas dan kering tanpa hujan.

Kata beliau, meskipun terdapat hujan sejak kelmarin, namun hanya berlaku di luar kawasan Padang Besar dan tidak lebat menyebabkan paras air di empangan terbabit tidak bertambah.

"Sebaliknya, cuaca panas telah mengurangkan lagi paras air Empangan Timah Tasoh yang menyusut sebanyak 0.02 meter sehari dan kini merekodkan bacaan 26.29 meter.

"Kita jangka jika ini berterusan selama empat hari lagi, air empangan akan berkurangan di bawah paras 26.2 meter dan catuan air terpaksa kita lakukan," katanya.

Beliau mengulas perkembangan terkini fenomena El Nino yang

info

FENOMENA EL NINO DI PERLIS

- > Paras air Empangan Timah Tasoh merekod bacaan terkini 26.29 meter
- > Catuan terpaksa dilakukan jika paras air di bawah 26.2 meter
- > Air menyusut sebanyak 0.02 meter sehari
- > Pada paras 26 meter, air hanya mampu bertahan untuk penduduk Perlis selama sebulan

melanda negeri itu ketika ditemui dalam Mesyuarat Pertama Persidangan Keempat di Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Azlan seterusnya memberitahu, sekiranya catuan air terpaksa dilakukan, kerajaan negeri akan berusaha membantu penduduk dengan membekalkan lori-lori air

untuk keperluan.

"Dalam hal ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri akan berbin-cang dengan Syarikat Air Perlis (SAP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mencari kaedah terbaik agar tidak menyusahkan orang ramai," katanya.

Dalam pada itu, Azlan berharap operasi pembenihan awan yang dilakukan bermula hari ini sehingga 18 April ini dapat menurunkan hujan kepada negeri tersebut dalam beberapa hari lagi.

"Pembenihan awan dilakukan di empat negeri di kawasan utara iaitu Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis. Di Perlis, operasi dilakukan di kawasan tadahan air hujan iaitu Wang Kelian dan Empangan Timah Tasoh," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah JPS negeri, Ir. Abdul Najib Abdullah ketika ditemui berkata, paras air Empangan Timah Tasoh dijangka dapat dipulihkan sekiranya hujan lebat selama tiga hari berturut-turut di kawasan Padang Besar.

"Maka sebab itu, air untuk pengairan pertanian seperti padi terpaksa kita sekat dan hanya dilepaskan jika mencapai bacaan 28.5 meter," katanya.